

PENYIASATAN PENYAKIT DAN KAJIAN EPIDEMIOLOGI

No Dokumentasi: APTVM 22(f):1/2011

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

MALAYSIA

ISI KANDUNGAN

Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar	2
1.0 Pengenalan	3
2.0 Skop	3
3.0 Rujukan	4
4.0 Definisi	4
5.0 Kata Singkatan	5
6.0 Arahan Prosedur Tetap Veterinar	6
6.1 Pelaporan	6
6.2 Sindrom Penyakit Mesti Lapor	7
6.3 Penyakit Wajib Lapor	7
6.4 Penyiasatan Penyakit	7
6.5 Kajian Epidemiologi	8
6.6 Pasukan Amaran Awal	8
6.7 Pasukan Tindakan Pantas	8
7.0 Panduan Prosedur	8
7.1 Bahagian 1: Penyiasatan Penyakit Haiwan Keadaan Biasa	8
7.1.1 Sebelum Penyiasatan Dijalankan	8
7.1.2 Ketika Penyiasatan Dijalankan	8

7.1.3	Selepas Penyiasatan Dijalankan	10
7.2	Bahagian 2: Penyiasatan Penyakit Haiwan Keadaan Wabak	10
7.3	Bahagian 3: Tindakan Tambahan Yang Perlu Diambil di Premis Jangkitan Ketika Menjalankan Penyiasatan Penyakit Haiwan – Keadaan Wabak	11
8.0	Senarai Lampiran	12
8.1	Lampiran 1: Senarai Semak Prosedur Penyiasatan Penyakit	13
8.2	Lampiran 2: Carta Alir Penyiasatan dan Pelaporan Penyiasatan Penyakit Haiwan	14
8.3	Lampiran 3: Kes Wabak	15
Jawatankuasa Penyediaan APTVM Penyiasatan Penyakit dan Kajian Epidemiologi		16
Penghargaan		16

ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR PENYIASATAN PENYAKIT DAN KAJIAN EPIDEMIOLOGI

Jabatan Perkhidmatan Veterinar perlu memiliki kemampuan dan kompetensi untuk membuat diagnosis penyakit dengan tepat dan pantas. Kegagalan untuk mengenalpasti penyakit yang tepat mempunyai implikasi keselamatan, kesihatan, ekonomi, sosial dan politik yang besar kepada Negara. Berasaskan hakikat tersebut Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (OIE) telah memutuskan perkhidmatan Veterinar sebagai "global public good" yang patut menjadi sebahagian pemerintahan yang baik.

Kemampuan untuk menjalankan diagnosis dengan pantas penting kerana "api yang kecil menjadi kawan dan api yang besar menjadi lawan". Mereka yang terlibat dengan penyiasatan penyakit perlu memiliki pengetahuan, kemahiran dan kompetensi untuk mengenali gejala penyakit serta membuat diagnosis klinikal. Sementara itu Makmal Veterinar Kawasan serta Makmal Rujukan seperti Institut Penyelidikan Veterinar perlulah memiliki kemahiran dan peralatan serta melaksana dengan teliti kaedah ujian selaras dengan piawaian antarabangsa agar keputusan yang diperolehi berwibawa. Kepantasan ini bukan sekadar dalam menjalankan diagnosis tetapi meliputi juga pelaporan dan penyampaian keputusan. Sekiranya masa yang diambil untuk melaporkan kejadian penyakit atau membuat pengesahannya lambat kesannya juga pastilah buruk. Maka perkhidmatan Veterinar perlu memiliki kesiapsiagaan untuk bertindak pantas.

Sementara veterinawan atau mereka yang diarahkan untuk menjalankan penyiasatan penyakit pula perlulah mengikut kaedah dan disiplinnya dengan tertib dan sempurna. Mereka juga hendaklah meneliti sejarah kes dan meneliti serta mencatat segala pengamatan daripada segala sudut dan kemungkinan. Sepanjang masa penyiasat haruslah mengelak dari membuat rumusan awal kerana ancaman penyakit baru muncul atau yang muncul semula, zoonotik dan rentas sempadan sentiasa ada. Mereka juga hendaklah sentiasa terbuka untuk merujuk kepada pakar dan pakar runding.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar juga akan sentiasa terbuka untuk memulakan Kajian Epidemiologi sekiranya wujud keperluan. Sekiranya dirasakan bahawa suatu penyakit itu memerlukan perhatian khusus, maka pasukan dan sumber akan disediakan bagi melaksanakan Kajian Epidemiologi. Dengan itu Jabatan akan dapat merangka strategi pencegahan, pengawalan dan pembasmian penyakit haiwan dan zoonotik yang lebih berkesan. APTVM ~ Penyiasatan Penyakit dan Kajian Epidemiologi akan menjelaskan arahan, prosedur dan peranan serta hubungannya dengan perkhidmatan yang lain. Maka dengan ini saya mengarahkan kepada semua anggota Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk mematuhi arahan ini.

DATO' DR. ABD AZIZ BIN JAMALUDDIN

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR

MALAYSIA

ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA PENYIASATAN PENYAKIT DAN KAJIAN EPIDEMIOLOGI

1.0 PENGENALAN

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) bertanggungjawab untuk menjalankan penyiasatan penyakit (PP) sekiranya disyaki telah berlaku Penyakit Wajib Lapor (PWL). Untuk mendapatkan gambaran menyeluruh tentang sesuatu penyakit samada PWL, penyakit baru muncul, muncul semula, zoonotik dan rentas sempadan, DVS akan menjalankan kajian epidemiologi (KP).

DVS telah diperuntukkan kuasa untuk menjalankan PP dan KP sekiranya telah disyaki berlaku kejadian penyakit. Pihak berkuasa Veterinar berkuasa memasuki premis, memeriksa dan menguji, dan mengambil sampel bagi tujuan penyiasatan penyakit di bawah Akta Binatang 1953 (Pindaan 2006). Beliau juga bertanggungjawab membuat penilaian dan menentukan tahap risikonya supaya dapat membantu dalam pencegahan, pengawalan dan pembasmian penyakit zoonotik untuk keselamatan serta kesihatan manusia (terutamanya bagi kes zoonotik).

Perkhidmatan PP yang cekap dan berkesan akan membolehkan Jabatan memiliki diagnosis penyakit yang tepat dan pantas. Ini akan membolehkan tindakbalas yang pantas dan mengelak penyakit bertukar menjadi wabak yang merugikan negara. KP pula akan membantu Jabatan memiliki dasar pencegahan, pengawalan dan pembasmian penyakit haiwan yang lebih baik. Maka amat penting untuk semua pihak untuk sama- sama mendokong APTVM Penyiasatan Penyakit dan Kajian Epidemiologi ini.

2.0 SKOP

APTVM ini akan mengandungi arahan tetap dan panduan prosedur mengenai penyiasatan penyakit, kajian epidemiologi, pasukan amaran awal dan pasukan tindakan pantas.

3.0 RUJUKAN

- 3.1 Akta Binatang 1953
 - 3.1.1 Seksyen 7(1), 11(1) Pemeriksaan import
 - 3.1.2 Seksyen 8(3) Pemeriksaan atas pengangkutan
 - 3.1.3 Seksyen 16 Pemeriksaan untuk eksport
 - 3.1.4 Seksyen 18(1), (2) Pemeriksaan penyakit
 - 3.1.5 Seksyen 21(1) Pemeriksaan post mortem
 - 3.1.6 Seksyen 31 Melapor kejadian penyakit
 - 3.1.7 Seksyen 36(1) (vi) Pemeriksaan kawalan penyakit
 - 3.1.8 Seksyen 59 (1) Pemeriksaan lembu pembaka
 - 3.1.9 Seksyen 67 (a) Memasuki dan memeriksa premis
 - 3.1.10 Seksyen 67(b) Menahan dan memeriksa kenderaan
- 3.2 Kaedah-Kaedah Pemeriksaan Daging 1985 [Perkara 6(5) dan 7 Seksyen C, Jadual ketiga, Bahagian 1]
- 3.3 Undang-Undang Kecil Stesen Kuarantin Persekutuan (Pengurusan dan Penyelenggaraan) 1984 [Undang - Undang Kecil 18]
- 3.4 Akta Makanan Haiwan 2009 [Seksyen 39(1c)]
- 3.5 APTVM Pengurusan Indeks Penyakit Haiwan

4.0 DEFINISI

4.1 *Kejadian Kes Penyakit*

Kes Penyakit Haiwan yang terjadi dalam satu kelompok haiwan yang mempunyai hubungan epidemiologi iaitu risiko pendedahan kepada patogen, berkongsi persekitaran dan sistem pengurusan yang sama.

4.2 *Kes Penyakit Haiwan*

Individu haiwan yang .dijangkiti oleh agen patogenik dengan atau tanpa tanda-tanda klinikal jangkitan.

4.3 *Kuarantin Penyakit*

Langkah mengawal penularan penyakit dari satu premis atau kawasan dengan mengawal pergerakan keluar/masuk ternakan/ haiwan yang disyaki, berisiko atau disahkan berpenyakit, atau terdapat kematian di dalam premis atau kawasan itu.

4.4 Pegawai Penyiasat

Pegawai Veterinar yang dilantik untuk menjalankan kajian epidemiologi.

4.5 Pelaporan

Sesuatu kejadian kes penyakit haiwan adalah berasaskan laporan yang diterima dari berbagai-bagai punca dari lapangan dan dianggap sebagai kes penyakit apabila terdapat haiwan dalam sesuatu premis yang disyaki, berisiko atau disahkan berpenyakit atau mati.

4.6 Pihak Berkuasa Veterinar

Ketua Pengarah (KP), Timbalan Ketua Pengarah (TKP) dan Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri (PPVN), Pegawai Veterinar (PV) dan Penolong Pegawai Veterinar dan mana-mana orang yang di lantik oleh KP, TKP dan PPVN sebagai Pihak Berkuasa Veterinar dibawah Seksyen 3, Akta Binatang 1953.

4.7 Premis Berbahaya Jangkitan

Premis di bawah Kawalan dan berdekatan, bersebelahan, berjiran atau berada di dalam lingkungan radius yang tertentu dari Premis Jangkitan atau Indeks Penyakit.

4.8 Premis Jangkitan

Premis di bawah Kawalan dan merupakan indeks penyakit.

4.9 Penyakit Haiwan - Keadaan Biasa

Kejadian Kes Penyakit yang menunjukkan petanda/gejala penyakit tidak berjangkit, tidak merebak, tiada kematian atau kematian kadar rendah (Lampiran 3).

4.10 Penyakit Haiwan - Keadaan Wabak

Kejadian Kes Penyakit yang menunjukkan petanda/gejala penyakit berjangkit yang merebak dan/atau kematian melebihi kebiasaan (Lampiran 3)

5.0 KATA SINGKATAN

5.1	ADIC	- Pusat Maklumat Penyakit
5.2	APTVM	- Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia
5.3	ARAHIS	- ASEAN Animal Health Information System
5.4	DVS	- Jabatan Perkhidmatan Veterinar
5.5	DVSN	- Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri
5.6	ELISA	- Enzyme Linked Immunosorbent Assay
5.7	Epis	- Seksyen Epidemiologi dan Survelan
5.8	IP	- Indeks Penyakit
5.9	IPPV	- Ibupejabat Perkhidmatan Veterinar, Putrajaya

5.10	IPV	- Institut Penyelidikan Veterinar
5.11	KPH	- Kes Penyakit Haiwan
5.12	KPPV	- Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
5.13	MVK	- Makmal Veterinar Kawasan
5.14	OIE	- World Organization for Animal Health
5.15	PAA	- Pasukan Amaran Awal
5.16	PBV	- Pihak Berkuasa Veterinar
5.17	PM	- Post Mortem
5.18	POL	- Pusat Operasj Lapangan
5.19	PON	- Pusat Operasi Negeri
5.20	PPK	- Pusat Pengurusan Krisis
5.21	PPVN	- Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
5.22	PPVD	- Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah
5.23	PTP	- Pasukan Tindakan Pantas
5.24	PVK	- Pegawai Veterinar (Kesihatan)
5.25	PWL	- Penyakit Wajib Lapor
5.26	SALT	- Skim Amalan Ladang Ternakan
5.27	SKV	- Sijil Kesihatan Veterinar
5.28	WAHID	- World Animal Health Information Database

6.0 ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR

6.1 Pelaporan

Pihak berkuasa Veterinar yang terdekat dengan kejadian kes itu hendaklah memaklumkan kepada Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri atau sekiranya dengan ketiadaannya, hendaklah melaporkan kepada Pegawai Veterinar (Kesihatan) Negeri atau mana-mana pegawai yang telah diberi kuasa oleh PPVN, tentang maklumat terperinci premis dan penyakit yang disyaki apabila terdapat asas atau sebab untuk:

6.1.1 **mempercayai atau mengesyaki** berlakunya kejadian kes penyakit haiwan atau

6.1.2 **menerima laporan termasuk 'khabar angin'** berlakunya kejadian kes penyakit haiwan.

6.2 Sindrom Penyakit Mesti lapor

Sindrom penyakit seperti dibawah (APTVM 16(a)(b):2/2010) hendaklah dilaporkan kepada ADIC.

- 6.2.1 Penafasan
- 6.2.2 Sistem sarat (contoh: agresif, garang, hilang keseimbangan, tortikolis, opistotonus)
- 6.2.3 Anorexia yang tidak di ketahui sebabnya(contoh: makanan tidak habis)
- 6.2.4 Kemerosoton kadar parameter pengeluaran (contoh: susu, telur, berat badan)
- 6.2.5 Lesi vesikular (contoh: melepuh kulit mulut atau lidah, permukaan vagina, cacar, puru, ketumbuhan)
- 6.2.6 Cirit birit Keguguran (kematian lahir, tidak cukup bulan)

6.3 Penyakit Wajib Lapor

- 6.3.1 Veterinawan yang mendiagnosis PWL.
- 6.3.2 Makmal Veterinar yang mendiagnosis atau mengesahkan PWL hendaklah melaporkan kepada KPPV melalui ADIC.

6.4 Penyiantasan Penyakit

- 6.4.1 Bagi menentukan tahap tindakan yang perlu diambil ketika melaksanakan penyiantasan penyakit. sesuatu keadaan kes penyakit itu dikategorikan kepada dua bentuk.
 - a) Penyakit haiwan keadaan biasa dan
 - b) Penyakit haiwan keadaan wabak.
- 6.4.2 Bagi penyakit berbentuk wabak beberapa tindakan tambahan adalah diperlukan. Pihak berkuasa Veterinar itu hendaklah kemudiannya 'menjalankan penyiantasan' dengan melaksanakan perkara seperti dibawah ini:
 - 6.4.2.1 Petugas ADIC hendaklah memantau arah aliran kejadian sindrom penyakit dan memberi amaran awal kepada Ketua Seksyen EpiS.
 - 6.4.2.2 Petugas ADIC hendaklah serta merta menyampaikan amaran awal kepada Ketua Seksyen EpiS bila PWL dilaporkan.
 - 6.4.2.3 Ketua Seksyen EpiS hendaklah menilai keperluan untuk menjalankan PP. Sekiranya terdapat keperluan pegawai atau penguasa Veterinar akan dihantar ke IP disyaki untuk menjalankan PP.

6.4.2.4 Sekiranya Ketua Seksyen EpiS mngesyaki bahawa sindrom tersebut merupakan petanda penyakit yang boleh meningkat menjadi Krisis Penyakit Haiwan, PAA hendaklah dimaklumi.

6.4.2.5 PTP akan mendapat Laluan Hijau yang merentasi jabatan bagi mendapat keutamaan tertinggi jabatan.

6.5 Kajian Epidemiologi

6.5.1 Unit Epidemiologi boleh mengemukakan cadangan kepada pihak pengurusan untuk Kajian Epidemiologi.

6.5.2 Peruntukan, sumber tenaga, pakar dan peralatan, terma rujukan, tempoh masa akan ditetapkan bagi membolehkan kajian Epidemiologi dijalankan.

6.5.3 Hasil kajian hendaklah diterbit dan dibentangkan kepada pengurusan dengan rumusan dan syor.

6.5.4 Hasil akan menjadi asas kepada perubahan keputusan dasar mengenai pencegahan, kawalan dan pembasmian penyakit yang dikaji.

6.6 Pasukan Amaran Awal

6.6.1 PAA akan menentukan samada PTP perlu digerakkan.

6.7 Pasukan Tindakan Pantas

6.7.1 Semua pihak hendaklah memberi Laluan Hijau kepada PTP menjalankan tugasnya.

6.7.2 Bila PTP digerakkan waktu kerja biasa digantung. Mereka yang ingkar arahan ini akan dibawa kepada Lembaga Tatatertib, setelah episod selesai.

6.7.3 Semua kemudahan pengangkutan, perhubungan, peralatan, makmal, pakar, tenaga sokongan mengambil keutamaan tertinggi kepada kelancaran tugas PTP.

6.7.4 Sampel yang dibawa PTP mendapat keutamaan tertinggi dan perlu diproses serta merta.

6.7.5 Sebarang kerumitan dalam melaksanakan tugas hendaklah dimaklumkan kepada PAA.

7.0 PANDUAN PROSEDUR

7.1 BAHAGIAN I : Penyiasatan Penyakit Haiwan - Keadaan Biasa

7.1.1 Sebelum penyiasatan dijalankan

7.1.1.1 Pegawai penyiasat yang dilantik hendaklah bertanggungjawab ke atas IP tersebut.

- 7.1.1.2 Sebelum ke lapangan, maklumat atau pengetahuan hendaklah mencukupi seperti tanda klinikal, tempoh inkubasi penyakit yang disyaki dan sampel yang perlu diambil untuk dihantar ke makmal.
- 7.1.1.3 Pemilik ternakan/haiwan hendaklah dimaklumi bahawa PTP akan ke lokasi di mana IP disyaki berlaku.
- 7.1.1.4 Memeriksa dan memastikan peralatan dan perkakasan perlindungan keselamatan seperti PPE, disinfektan, perkakasan untuk mengambil sampel, borang laporan penyakit dan Manual/pelan tindakbalas kecemasan DVS negeri atau APTVM ini telah tersedia.
- 7.1.1.5 Dimana perlu, maklumkan kepada kakitangan akan tindakbalas yang akan diambil dan mohon penyiasatan itu dikategorikan sebagai 'terperingkat'.
- 7.1.1.6 Pergi ke premis yang dilaporkan atau disyaki.
 - i. Parkir kenderaan di luar premis (jika sesuai dilakukan)
 - ii. Pakai coverall dan sarung tangan (jenis pakai buang) dan PPE kalis-air yang bersih.
- 7.1.1.7 Basuh but dengan disinfektan sebelum masuk ke dalam Premis Jangkitan.
- 7.1.2 Ketika penyiasatan dijalankan
 - 7.1.2.1 Ambil maklumat sejarah kes dengan mengisi borang Laporan Penyakit (EpiS01).
 - 7.1.2.2 Periksa haiwan yang berkenaan dan haiwan yang berisiko dengannya.
 - 7.1.2.3 Sekiranya KPH tidak dapat ditepis, tetapi terdapat kebarangkalian ketentuannya walaupun pada tahap yang rendah (yakni cuma masih disyaki), kutip sampel untuk pemeriksaan makmal.
 - 7.1.2.4 Setelah sesuatu kes penyakit itu diterima, jika ketentuan KPH tidak dapat dipastikan dan jika bantuan lanjutan diperlukan, hubungi PVK atau PPVN untuk mengatur bantuan dari pakar.
 - 7.1.2.5 Berkomunikasi dengan pemilik ternakan/haiwan yang terbahit:
 - i. untuk mendapatkan bantuan dan kerjasama dari pemilik ternakan/haiwan, membincangkan kes itu dengan pemilik dan tindakan-tindakan yang akan diambil selanjutnya.
 - ii. sebagai meningkatkan kesedaran awam tentang penyakit tersebut.
 - 7.1.2.6 Mengumpulkan maklumat yang berkaitan dengan Premis Jangkitan itu untuk membantu operasi pencegahan, kawalan dan pembasmian; jika dirasakan perlu, yang akan diadakan nanti (contoh: maklumat berkaitan dengan jalan masuk, pagar, lokasi kandang, tapak tempat pelupusan dan sebagainya).
 - 7.1.2.7 Ketika meninggalkan Premis Jangkitan, PVK atau PTP, hendaklah melakukan perkara berikut:
 - i. Berikan nombor telefon Jabatan kepada pemilik.

- ii. Cuci dan bersihkan PPE dan kasut dengan disinfektan yang disyorkan.
- iii. Cuci tangan dan kulit tubuh yang terdedah dan bersihkan kuku dengan disinfektan yang disyorkan,
- iv. Menyelia prosedur yang sama ke atas semua orang atau anggota yang ikut serta.
- v. Tanggalkan PPE, masukkan dalam karung plastic yang besar dan rendam atau sembur dengan disinfektan yang disyorkan.
- vi. Elakkan menyentuh ternakan/haiwan lain yang 'mudah terjangkit' atau berisiko terkena jangkitan.
- vii. Sentiasa merekodkan secara bertulis kegiatan dan aktiviti harian dalam diari atau buku log.

7.1.3 Selepas penyiasatan dijalankan

7.1.3.1 Maklumkan PVK atau PPVN tentang hasil penyiasatan dan sediakan maklumat terperinci secara lisan dan kemudian diikuti dengan laporan lengkap dalam borang EpiS 01 tentang butiran berikut:

- i. Nama, alamat dan nombor telefon pemilik ternakan/haiwan tersebut.
- ii. Bentuk perjangkitan yang disyaki.
- iii. Lokasi kes (bacaan GPS diperlukan).
- iv. Keputusan dari pemeriksaan ke atas haiwan yang terlibat.
- v. Bilangan dan keterangan haiwan yang berisiko.
- vi. Keperluan untuk dikuarantin (i.e. pengasingan), jika munasabah.
- vii. Keperluan dayajejak, jika bersesuaian.
- viii. Pastikan disinteksi dijalankan ke atas pekerja. bahan - bahan yang telah digunakan.

7.2 BAHAGIAN 2 : Penyiasatan Penyakit Haiwan - Keadaan Wabak

7.2.1 Sekiranya PPVN mengkategorikan / mengklasifikasikan KPH itu sebagai satu wabak (berdasarkan laporan PVK), selain dari tindakan di BAHAGIAN 1 di atas, PVK atau PTP dikehendaki menjalankan perkara berikut:

- 7.2.1.1 Lengkapkan borang EpiS 01 (jika belum) dan laporkan kepada Pengarah PVN untuk menjelaskan situasi yang berlaku.
- 7.2.1.2 Berikan notis kuarantin kepada pemilik atau orang yang berkenaan (jika belum dilaksanakan).
- 7.2.1.3 Kumpulkan maklumat latar belakang dan sejarah kes dalam borang selain EpiS 01, jika diperlukan.

- 7.2.1.4 Kawal pergerakan orang dan haiwan di dalam kawasan Premis Jangkitan.
- 7.2.1.5 Kawal pergerakan orang, haiwan, produk dan lain- lain barangan dari keluar dan masuk Premis Jangkitan.
- 7.2.1.6 Aturkan supaya sempadan kawalan Premis Jangkitan diperketatkan, pasang tali perentang- amaran, pagar dan pintu pagar hendaklah dikunci supaya hanya pintu pagar laluan masuk ke dalam Premis Jangkitan sahaja dapat dikawal.
- 7.2.1.7 Kenalpasti haiwan atau ternakan lain yang ada dalam Premis Jangkitan.
- 7.2.1.8 Maklumkan kepada pakar dan pakar runding (jika telah dilantik) tentang ternakan/haiwan yang menunjukkan gejala penyakit klinikal.
- 7.2.1.9 Bilamana mungkin, kumpulkan ternakan/haiwan dalam Premis Jangkitan itu berjauhan dari pagar Premis Jangkitan. Sebaiknya kumpulkan/letakkan di tengah-tengah kawasan Premis Jangkitan, khususnya di tempat yang memudahkan proses penghapusan, pelupusan dari disinteksi sekiranya diperlukan.
- 7.2.1.10 Pastikan semua panggilan telefon dilayan.
- 7.2.1.11 Sebelum meninggalkan Premis Jangkitan, pastikan prosedur yang berkaitan dengan perlindungan dari risiko digunapakai dan membolehkan pemilik dan ahli-ahlinya bergerak dengan lancar bagi tujuan lain.
- 7.2.1.12 Apabila meninggalkan Premis Jangkitan pastikan, semua prosedur nyahkuman/dekontaminasi telah diikuti.

7.3 BAHAGIAN 3: Tindakan tambahan yang perlu di ambil di Premis Jangkitan ketika menjalankan Penyiasatan Penyakit Haiwan - Keadaan wabak

- 7.3.1 Di premis yang terjangkit penyakit (Premis Jangkitan), PBV yang mana berkenaan, mestilah mengikuti perkara berikut:
 - 7.3.1.1 Bertindak sebagai Pegawai Kes sehingga dilepaskan tugasnya.
 - 7.3.1.2 Berbincang dan bekerjasama dengan pemilik untuk merancang tindakan di Premis Jangkitan, memastikan pemilik tersebut terlibat sama dalam memberi bantuan dan kerjasama. Ini termasuk:
 - i. Memperkukuhkan keperluan 'kuarantin penyakit' dan memastikan keselamatan yang mencukupi.
 - ii. Mengenakan proses / prosedur disinteksi (basmi - kuman).
 - 7.3.1.3 Menyediakan nasihat kepada PAA tentang keperluan sumber peringkat awal yang penting yang berkaitan dengan pembersihan dan pelupusan haiwan yang dijangkiti atau berisiko dan juga bahan-bahan yang tercemar.
 - 7.3.1.4 Bilamana mungkin dan jika belum dilaksanakan, asingkan atau kurung semua ternakan/haiwan yang bebas.

- 7.3.1.5 Sediakan penilaian awal untuk prosedur bagi pelupusan/pemusnahan dan lokasi yang sesuai (Rujuk APTVM Penghapusan).
- 7.3.1.6 Selidik lokasi yang sesuai untuk melupuskan ternakan /haiwan dan bahan-bahan tercemar.
- 7.3.1.7 Jika perlu dan mungkin, kawal ternakan bermula dari kumpulan yang berisiko tinggi, ke kawasan di tengah~tengah premis yang telah dikenalpasti sesuai untuk penghapusan dan pelupusan.
- 7.3.1.8 Simpan rekod tentang kematian dan kumpulkan inventori stok haiwan yang masih tinggal, termasuk pelupusan ternakan bagi tujuan ganti rugi.
- 7.3.1.9 Kaji risiko keselamatan kesihatan dan pekerjaan ke atas operasi di tapak/Premis Jangkitan.
- 7.3.1.10 Memastikan talian telefon sentiasa berfungsi, menjawab semua panggilan, komunikasi dan PPVN dimaklumkan.
- 7.3.1.11 Memberi cadangan kepada PAA bagi tujuan dayajajak dan menentukan keutamaan penyiasatan ke atas jiran berdekatan (buat secara hiliran atau menurut arah angin).

8.0 SENARAI LAMPIRAN

- 8.1 Lampiran 1 : Senarai semak prosedur penyiasatan penyakit
- 8.2 Lampiran 2 : Carta Alir Penyiasatan dan Pelaporan Penyiasatan Penyakit Haiwan
- 8.2 Lampiran 3 : Kes wabak


LAMPIRAN 1

Senarai semak prosedur penyiantasan penyakit

SENARAI SEMAK PROSEDUR PENYIASATAN PENYAKIT			
TUGASAN	PPVD	PVK	PPVN
Berurusan dengan Pemilik ternakan	Y		
Penyiantasan di lapangan termasuk prosedur disinteksi	Y		
Tindakan kuarantin premis, jika diperlukan	Y		
sempurnakan laporan (borang Laporan Penyakit)	Y		
Menyediakan laporan lengkap kepada DVSN atau PPVN	Y		
Memaklumkan PPVN atas kes yang disyaki	Y	Y	
Analisis maklumat dari lapangan dari EpiS01		Y	
Mohon Pasukan Diagnostik dari MVK		Y	Y
Maklumkan perkhidmatan Makmal atas penghantaran sampel		Y	
Kenalpasti agen penyakit		Y	
Beri bantuan kepada PPVN		Y	
Tentukan definasi insiden, sumber dan fasa bertindakbalas dll		Y	Y
Penerangan sulit kepada lain-lain DVSN dan industri, jika perlu			Y
Maklumkan kepada KPPV, jika perlu			Y

LAMPIRAN 2

Carta Alir Penyiasatan dan Pelaporan Penyiasatan Penyakit Haiwan



LAMPIRAN 3

Kes wabak

Lampiran ini merujuk kepada APTVM Pengurusan Indeks Penyakit Haiwan (APTVM : 6(a)(b):2/2010) berkaitan dengan panduan **kematian melebihi kebiasaan**.

Panduan 'kematian melebihi kebiasaan' dalam sesuatu gerompok atau premis, yang mana berkaitan wajib dilaporkan mengikut jenis haiwan.

Bil	Jenis Haiwan	Kematian (bilangan/Peratus)
1.	Lembu	Melebihi 3 ekor sehari
2.	Kerbau	Melebihi 3 ekor sehari
3.	Kambing / Bebiri	Melebihi 3 ekor sehari
4.	Babi	Melebihi 5 ekor sehari
5.	Ayam / Itik Komersial	Melebihi 1% dari populasi dalam sehari
6.	Ayam / Itik Kampung	Melebihi 50% dari populasi dalam sehari
7.	Anjing	Melebihi 3 ekor sehari
8.	Kucing	Melebihi 3 ekor sehari
9.	Burung Peliharaan	Melebihi 50% sehari
10.	Kuda	Melebihi 2 ekor sehari
11.	Haiwan Liar/ Zoo	Melebihi 2 ekor sehari

JAWATANKUASA PENYEDIAAN APTVM PENYIASATAN PENYAKIT DAN KAJIAN EPIDEMIOLOGI

Penasihat

Y. Bhg. Dato' Dr. Mohamad Azmie bin Zakaria

Pengarah Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS

Sidang Pengarang

Dr. Azri bin Adzhar

Seksyen Epidemiologi dan Survelan

PENGHARGAAN

Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penyediaan APTVM ini, khususnya:

1. Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
2. Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (KV)
3. Timbaian Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (P)
4. Semua Pengarah Bahagian, IPPV
5. Semua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
6. Semua Ketua Seksyen, IPPV
7. Unit Epidemiologi, Seksyen EpiS
8. Unit Survelan, Seksyen EpiS
9. Dr. Mohd. Mokhtar bin Arshad
10. Dr. Falizah bt Abdullah
11. Dr. Aida bt Muhid
12. Dr. Nazirah bt Abdullatad